

NGO jadi pemerhati OIC belum diputus

KUALA LUMPUR: Sebarang keputusan untuk membenarkan badan bukan kerajaan (NGO) menjadi pemerhati Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu diputuskan di peringkat mesyuarat Menteri-Menteri Luar badan itu terlebih dulu.

Sehubungan itu, Malaysia sebagai Pengerusi OIC berpendapat ia perlu dibincang secara mendalam termasuk menentukan status yang perlu diberikan kepada NGO terbabit.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata setakat ini kelulusan itu hanya usul yang dikemukakan peringkat pegawai kanan badan itu.

Bagaimanapun, katanya, ia perlu diteliti terperinci dan jika perlu diadakan peraturan khas untuk NGO yang mahu menjadi pemerhati.

"Setakat ini kita melihat ia sebagai syor daripada pegawai kanan badan itu, tetapi keputusan muktamad hanya boleh ditentukan di peringkat mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC," katanya kepada *Berita Harian* ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, agensi berita yang memetik laporan akhbar *Arab News* berkata, pegawai kanan OIC meluluskan satu usul berhubung tindakan membenarkan NGO menjadi pemerhati badan Islam berkenaan.

Langkah itu diumumkan pada mesyuarat persiapan OIC selama seminggu mulai kelmarin di Jeddah, Arab Saudi.

Mesyuarat berkenaan sebagai persediaan persidangan peringkat Menteri Luar OIC di Baku, Azerbaijan pada 19 hingga 21 Jun depan. Syed Hamid dijangka menghadiri mesyuarat itu dan tidak menolak kemungkinan isu berkenaan dibincang untuk diperimbangankan oleh negara anggota OIC.

Jika diluluskan, keputusan itu akan menyaksikan pembabitan NGO dalam OIC dengan memegang status pemerhati.

Ditanya sama ada wajar NGO diberi status pemerhati OIC, Syed Hamid berkata secara prinsip ia suatu yang baik tetapi jika terlalu banyak penyertaan ia bukan satu langkah positif.

Beliau juga berkata, jika ada keperluan berbuat demikian, Malaysia berpendapat OIC perlu membentuk peraturan atau syarat khusus untuk membenarkan NGO menjadi pemerhati.